

# Murid kerdil perlu kerusi khas

**P**EKAN: Ketiadaan kerusi khas memberi masalah kepada pelajar kerdil, Mohd Zulhanif Abdul Halim, 13, yang memulakan sesi persekolahan tingkatan satu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan di sini, semalam.

Mohd Zulhanif setinggi 72 sentimeter, menggunakan kerusi elektrik sumbangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 2007 ketika belajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Sinar Mutiara, Sungai Miang, di sini, namun kerusi berkenaan kini rosak.

Bapanya, Abdul Halim Sulaiman, 37, berkata bagi meneruskan pelajaran di SMK Pekan, anaknya itu terpaksa

menggunakan tiga kerusi plastik yang disusun bertingkat untuk mendapatkan ketinggian sesuai dengan meja dalam kelas.

Katanya, masalah lain dihadapi Mohd Zulhanif ialah tandas dan tempat membasuh tangan yang tidak sesuai dengan ketinggiannya.

"Saya merayu pihak sekolah menyediakan kemudahan sesuai kepada anak saya yang belajar dalam Kelas Pendidikan Khas (KPK) serta berharap UMP dapat mempertimbangkan untuk sekali lagi menyumbang kerusi elektrik kepada Mohd Zulhanif," katanya yang tinggal di Kampung Sungai Miang, dekat sini.



**MESRA**  
...Mohd  
Zulhanif  
(kanan)  
bersama  
rakan  
sekolah.